

# PM arah menteri batal cuti, selesai masalah banjir

BH - 25/12/2021 m/s: 2

**Pemimpin berada di luar negara juga digesa pulang segera**

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Bentong:** Menteri Kabinet yang sedang bercuti dan merancang untuk bercuti diarah membatalkan percutian masing-masing sehingga masalah bencana banjir yang melanda negara ketika ini selesai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata menteri yang kini berada di luar negara juga diarah membuat penerbangan balik ke tanah air dengan segera.

"Saya dapat banyak soalan mengenai Menteri Kabinet yang bercuti, jadi mereka yang masih belum bercuti, batalan percutian masing-masing.

"Mana ada di luar negara balik

segera," katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Piatu, di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, beliau juga terpaksa membatalkan lawatan kerja ke Bangkok, Thailand, yang dijadualkan pada 28 hingga 30 Disember ini bagi memberi tumpuan pada isu banjir yang melanda rakyat ketika ini.

Terdahulu, Perdana Menteri meninjau situasi di lima pusat pemindahan sementara (PPS) di Pahang, iaitu tiga di Mentakab dan dua di Bentong.

Sementara itu, Bernama melaporkan Perdana Menteri berkata, Bantuan Wang Ihsan RM1,000 kepada ketua keluarga yang terjejas banjir akan disegerakan dan dibayar sebelum mereka pulang ke rumah dari PPS.

"Bagi mereka yang berpindah, data sudah dikumpulkan sewaktu mereka masuk mendaftar sebagai mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS.

"Jadi, gunakan data itu untuk membuat bayaran. Tak perlulah minta mereka isi borang dan sebagainya kerana data sudah ada, kita hanya bayar saja," katanya.

Beliau berkata, bantuan itu ju-

ga layak buat mangsa banjir yang tidak berpindah ke PPS, namun mereka perlu memaklumkan situasi masing-masing kepada pejabat daerah.

Selain itu, katanya, kerajaan akan menyalurkan sumbangan RM10,000 bagi setiap mangsa yang terkorban akibat banjir.

Beliau berkata, dana itu tidak merangkumi sumbangan kerajaan negeri seperti Pahang yang menyumbang RM5,000 kepada waris mangsa.

Perdana Menteri turut menyuarakan penghargaan kepada syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang menyumbang RM75.8 juta sehingga hari ini.

Katanya, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) juga menyumbang RM5 juta bagi membantu mangsa banjir.

"Sekarang bukan beli makan, tetapi keperluan rumah dan duit ini akan digunakan untuk bantu mangsa banjir bila mereka pulang ke rumah masing-masing kelak.

"Anggota keselamatan negara juga diminta memberi tumpuan untuk membantu kerja pembersihan rumah rakyat," katanya.